

15 AUG 2003

EZULWINI-KENYATAAN/I

PEMIMPIN DUNIA KETIGA KELUAR KENYATAAN KERAS MENGENAI AKSES PASARAN WTO

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

EZULWINI (Swaziland), 15 Ogos (Bernama) -- Para pemimpin negara-negara membangun mengeluarkan kenyataan keras kepada mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Cancun, Mexico, bulan hadapan bagi menuntut akses pasaran sama rata bagi produk kedua-dua negara maju dan membangun.

Dalam kenyataan berpendirian sebulat suara dan tegas pernah diambil oleh negara-negara membangun, para pemimpin itu berkata dalam "Kenyataan Ezulwini" kepada WTO itu bahawa "tidak akan ada akses bagi produk negara-negara maju melainkan diberi akses sama rata kepada produk negara membangun."

Para pemimpin itu yang menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Bijak Global 2003, menuntut di dalam salinan deraf kenyataan itu yang perolehi para wartawan bahawa "perundingan dalam WTO mestilah (dilakukan secara) demokratik."

"Keputusan oleh beberapa negara istimewa mestilah disifatkan tidak mengikat negara lain" dan "bahawa isu baru tidak boleh dibawa ketengah sehingga keputusan yang memuaskan dicapai mengenai agenda sekarang," kata para pemimpin Malaysia, Botswana, Afrika Selatan, Mozambique, Namibia, Swaziland, Sudan, Uganda dan Zimbabwe, dalam satu kenyataan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengulas persediaan kenyataan akhir itu berkata, tindakan negara di luar dialog perkongsian bijak itu memberi impak kepada pembangunan dan kemajuan negara-negara berkenaan dalam perundingan di WTO.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan mengetuai delegasi Malaysia ke rundingan penting itu yang bermula 10 Sept..

Beberapa pegawai di dialog itu berkata, terdapat kebimbangan bahawa rundingan WTO kemungkinan menemui kegagalan ketika negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah menarik balik komitmen mereka yang dibuat dalam mesyuarat yang lepas di Doha dalam bidang seperti meliberalisasikan perdagangan ubat-ubatan dan produk pertanian.

Kenyataan Ezulwini itu menyatakan bahawa "tiada negara boleh menetapkan atau mengenakan halangan bukan tarif tanpa kelulusan rakan perdagangan."

Mereka menyatakan perdagangan mestilah diketikan keseluruhannya daripada isu bukan perdagangan seperti demokrasi, hak kemanusiaan dan amalan buruh kerana terdapat forum lain untuk membincangkan isu berkenaan.

Selain itu, para pemimpin itu berkata, Hak Harta Intelek (IPR) tidak boleh digunapakai secara sama rata antara negara yang berbeza tahap pembangunannya.

Sebagai contoh, mereka menyatakan bahawa faktor sosial (kesihatan) perlu diberi pertimbangan penuh dalam penggunaan IPR.

Mereka menegaskan bahawa "Pusingan Kemajuan" sepatutnya menekankan pembangunan dan bahawa keadaan perdagangan hendaklah mempromosikan dan tidak terkeluar arah pembangunan.

Dr Mahathir berkata, negara-negara membangun percaya terhadap peranan WTO dalam memastikan perdagangan adil.

"Tetapi keputusan WTO mestilah melambangkan pandangan secara demokrasi mereka yang miskin dan yang kaya."

Perdana Menteri berkata, "anggota pergerakan Perkongsian Bijak, sambil mewakili diri sendiri, turut mewakili pandangan negara-negara tempat asal kami."

"Kita menuntut keadaan berpatutuan dan keadilan dalam perdagangn dunia bagi semua orang di dunia ini," katanya. -- BERNAMA
MR KTC AHM